

# Runtuhan tanah depan pintu masuk Akademi SPRM

76 petugas pentadbiran alami detik cemas

Oleh Safeek Affendy Razali  
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 76 orang kakitangan Akademi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin diarah meninggalkan bangunan ber-

kutan tanah runtuh berdekatan pejabat itu semalam.

Jabatan Bomba Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur, yang menerima maklumat pada jam 1.54 petang, menghantar lapan pegawai dan anggota dari Balai Bomba Penyelamat (BBP) Sentul ke lokasi kejadian.

Bahagian Operasi Negeri JPBM Kuala Lumpur berkata, pihaknya tiba di lokasi kejadian pada empat minit kemudian sebelum melakukan kerja menyelamat.

**Pondok kawalan ranap**  
“Pihak bomba mengesan terdapat runtuhan tanah di hadapan

pintu masuk ke Akademi SPRM sehingga turut meruntuhkan sebuah pondok kawalan dan keluasan runtuhan dianggarkan seluas 100x200 kaki persegi,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, semua mangsa dipindahkan ke tempat selamat dan pada masa ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak Air Selangor sudah dimaklumkan untuk tindakan selanjutnya.

“Berdasarkan maklumat awal, pergerakan tanah dilaporkan masih berlaku dipercayai akibat paip air pecah,” katanya.



Tanah runtuh di bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Jalan Duta dipercayai berpunca daripada paip air pecah.  
(Foto Aswadi Alias/BH)